



KENDERAAN terperangkap dalam banjir di Jalan Sungai Besi menuju ke Salak Selatan.  
- Gambar SAHARUDDIN ABDULLAH



POKOK tumbang menghempap sebuah kereta di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur, semalam.  
- Gambar SHAFUDIN MOHD. N

# Hujan lebat: Ibu kota kelam kabut

Beberapa kawasan mengalami banjir kilat, tanah runtuh dan pokok tumbang

Oleh MOHD. NAZIRIN RAZALI

**KUALA LUMPUR** 24 Ogos - Hujan lebat selama dua jam di ibu negara petang ini menyebabkan berlaku keadaan kelam-kabut dengan beberapa kawasan mengalami banjir kilat, tanah runtuh dan pokok tumbang.

Hujan yang bermula kira-kira pukul 5.30 petang itu juga menyebabkan beribu-ribu kenderaan terperangkap dalam kesesakan lalu lintas yang teruk.

Hampir semua laluan termasuk jalan-jalan kecil di ibu kota dipenuhi kenderaan yang cuba mengelak kesesakan di jalan utama.

Dalam perkembangan sama, seorang pemandu wanita cedera di bahagian kaki akibat ditimpa pokok di Jalan Tun Razak menghala ke Bulatan Kampung Pandan.

Pegawai Penjaga Balai Bomba Jalan Pudu, Mohd Ramali Arbai berkata pihaknya menghantar sebuah jentera bomba ke tempat kejadian sejurus menerima panggilan daripada orang awam.

"Kereta mangsa remuk di bahagian hadapan dan menyebabkan kaki mangsa tersepit. Ini menyebabkan anggota bomba terpaksa memotong bahagian hadapan kereta berkenaan.

"Mangsa yang berusia 30-an dikejarkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) bagi mendapatkan rawatan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, laluan yang paling teruk dinaiki air ialah Jalan Chan Sow Lin manakala laluan lain paras air dikatakan mencapai ketinggian 0.5 meter hingga satu meter.

Seorang jurucakap pasukan penyelamat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkata, banjir kilat dilaporkan berlaku di Jalan Jelatek, Jalan Tun Razak dan Kampung Seri Indah, Jalan Sungai Besi.